

KITAB TAWARIKH 2.0



Wednesday, October 10, 2012

Penubuhan UKM: Pencarian Kakitangan Perintis...

Oleh : Harith Faruqi Sidek

Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya pada 18 Mei 1970, dan ianya beroperasi dalam bulan yang sama di kampus sementara, iaitu di Maktab Perguruan Persekutuan di Lembah Pantai. Penggunaan premis tersebut dilakukan setelah 80 orang pelatih tahun dua maktab berkenaan dipindahkan ke Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Dalam pentadbiran mana-mana organisasi sekalipun, modal insan adalah modal yang utama, justeru bagi UKM, pengambilan modal insan perintis bagi UKM perlu dilaksanakan.



Sebaik sahaja kerajaan bersetuju untuk menubuhkan sebuah universiti kebangsaan, jawatankuasa penubuhan universiti kebangsaan yang dipengerusikan oleh Tun Syed Nasir telah memohon kerajaan memilih segera calon-calon yang bakal mengisi jawatan Naib Canselor dan Pendaftar bagi universiti tersebut. Selain daripada itu, program latihan bagi bakal pensyarah juga perlu dilaksanakan dengan segera, ianya bagi memastikan mereka sudah terlatih untuk mengajar bakal pelajar perintis UKM. Kumpulan pertama tutor yang dihantar ke luar negara bagi melanjutkan pengajian adalah seramai 8 orang, pada masa yang sama, 2 orang pensyarah telah terlebih dahulu dihantar ke luar negara atas tujuan yang sama, mereka ialah;

| Bil | NamaTutor | Jawatan | Bidang | Tempat Pengajian |
|-----|----------------------|-----------|-----------|------------------|
| 1 | Muhammad Haji Salleh | Pensyarah | Bahasa | Michigan, A.S |
| 2 | Ariffin Suhaimi | Pensyarah | Kajihayat | Reading, UK |
| 3 | Othman Abu Bakar | Tutor | Sains | London, UK |
| 4 | Najib Sheikh Mahmood | Tutor | Sains | London, UK |

Translate

Select Language

Powered by [Google Translate](#)

Tweets by [@HarithSidek](#)

Komen Pengunjung

Recent Comments Widget

Latar Diri Penulis



Harith Faruqi Sidek

Pustakawan di PTSL, UKM.
Pemegang Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Maklumat, UiTM dan MARM (Master of Archives and Records Management) University of Liverpool, UK.

[View my complete profile](#)

Search This Blog

Facebook Badge

| | | | | |
|----|------------------------------|-------|-----------|----------------------------|
| 5 | Mokhtar Bidin | Tutor | Sains | Newcastle-Upon Tyne, UK |
| 6 | Khalijah Salleh | Tutor | Sains | Kent, UK |
| 7 | Baharuddin Yatim | Tutor | Sains | Kent, UK |
| 8 | Mustafar Hj. Jar | Tutor | Kajihayat | Northwestern Illinois, A.S |
| 9 | Nik Abdul Rashid Ismail | Tutor | Ekonomi | Indiana, A.S |
| 10 | Syed Othman Husein Alhabshhi | Tutor | Ekonomi | Wisconsin , A.S |



Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh




Prof. Dato' Dr. Baharuddin Yatim



Allahyarham Prof. Dr. Khalijah Salleh

Harith Faruqi Sidek



Create Your Badge

Blog Malaysia Directory



Post Popular



Menyingkap sejarah serta misteri Istana Kellie (Kellie's Castle)

Oleh : Harith Faruqi Sidek
Sebut sahaja Batu Gajah, Perak, pastinya nama Istana Kellie atau Kellie's Castle akan disebut sebagai tarik...



Bagaimana Negeri-Negeri di Malaysia mendapat namanya

Oleh : Harith Faruqi Sidek
Merujuk naskah " Asal - usul negeri-negeri di Malaysia" yang dihasilkan oleh Datuk Zakiah Hanum, m...



Shariff Dol : Samseng Kampung Dusun dalam kenangan.


Oleh : Harith Faruqi Sidek 'Shariff Dol, Samseng Kampung Dusun'...tagline yang disebut orang hingga ke hari ini, begitulah t...



Allahyarham Prof. Datuk Dr. Nik Abdul Rashid Ismail



Datuk Dr. Syed Othman Alhabsi



Desakan agar pemilihan Naib Canselor dan Pendaftar UKM dibuat segera. (TST, 11 September 1968).

Kerajaan kemudiannya melantik Tan Sri Rashdan Baba sebagai Naib Canselor UKM yang pertama, dan Tun Abdullah Salleh, selaku pendaftar yang pertama. Tan Sri Rashdan Baba dan Tun Abdullah Salleh kemudiannya turut menyertai Menteri Pelajaran Malaysia, Tun Abdul Rahman Ya'akub ke Indonesia bagi mencari calon yang sesuai sebagai ahli akademik UKM, rombongan ini juga turut disertai oleh Dato' Dr. Hassan Ahmad yang ketika itu merupakan pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Misi rombongan ini adalah mencari calon pengajar yang mampu mengajar subjek sains dengan menggunakan bahasa penghantar Bahasa Melayu. Sebelumnya, kementerian pendidikan sendiri telah mengadakan tinjauan bagi mengenalpasti calon bagi tujuan yang sama dari kalangan anak tempatan. Seterusnya pelantikan Tun Abdul Razak sebagai Canselor UKM yang pertama pula diumumkan, persetujuan Tun Abdul Razak menerima pelantikan tersebut telah diumumkan oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Tan Sri Hj, Ghazali Jawi. (Berita Harian, 27 Ogos 1970:5).

Sejarah Pembukaan Penempatan Orang Jawa di Selangor

Oleh : Harith Faruqi Sidek Hubungan Tanah Melayu dengan Pulau Jawa telah bermula sejak kurun ke-14 lagi, sepertimana diceritakan dalam na...



"The Real Malay" : Perihal Orang Melayu menurut Frank Swettenham

Oleh : Harith Faruqi Sidek Dalam karya beliau yang terkenal, " Malay Sketches", Frank Swettenham telah memberi gambaran tentan...



Warisan Darah dan Airmata di Muzium Perang Pulau Pinang.

Oleh : Harith Faruqi Sidek Pintu masuk Muzium Perang Pulau Pinang Antara lokasi yang menarik untuk dilawati jika melancong ke Pul...



Catatan Dari Bumi Anbiya' 2 : Perihal Jam tangan Mekah

Jam tangan mesra islam. Kalau disebut Jam Mekah, pasti yang terbangun ialah jam-jam buatan negara china yang dijual oleh penjaja di j...



Asal Usul nama negeri Selangor dan beberapa tempat di Daerah Kuala Selangor

Oleh Harith Faruqi Sidek Jika dalam naskah "Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia" karya Datuk Zakiah Hanum tidak memaparkan bagaimana ...



Wak Mustarjo (1890 - 1970) dan 9 perkara menarik tentang beliau.

Oleh : Harith Faruqi Sidek Wak Mustarjo@Mustar Ahmad (sumber : P.Ramlee.com) Antara pelakon tambahan yang sering menghiasi fil...

Seniman H.M Busrah : Dari Semenyih ke Jalan Ampas

Minister leaves to recruit staff for varsity

KUALA LUMPUR, Sun.

A FOUR-MAN team led by the Minister of Education, Dato Haji Abdul Rahman Ya'akub, left for Jakarta today to recruit lecturers for the National University.

Laporan rombongan ke Jakarta bagi mengenalpasti bakal pengajar subjek sains dalam bahasa melayu (TST, 4 ogos 1969)

Lantekan Tun Razak jadi Chanselor di-alu2kan

K. LUMPUR, Rabu

PELAJAR2 Universiti Kebangsaan hari ini mengalu2kan kesanggupan Pengarah MAGERAN, Tun Razak, menjadi Chan-

Berita Harian, 27 Ogos 1970, P. 5

Menurut Tun Abdullah Salleh (The Straits Times, 24 November 1969), sebelum mula beroperasi dalam bulan Mei 1970, Universiti Kebangsaan perlu mengisi lebih kurang 20 jawatan kosong yang merangkumi jawatan seperti berikut;

1. Pensyarah
2. Penolong Pendaftar
3. Pustakawan
4. Pembantu Kewangan
5. Pembantu Makmal

Antara kaedah yang digunakan dalam mengisi jawatan-jawatan kosong ini ialah melalui pengiklanan di akhbar-akhbar tempatan, dan menurut Tun Abdullah, kaedah ini amat berkesan kerana UKM telah menerima permohonan yang sangat menggalakkan bagi jawatan-jawatan yang telah diiklankan.



Oleh : Harith Faruqi Sidek
Allahyarham H.M.
Busrah ketika muda (kredit: cinemamalaysia.com.my)
“..Siapa tu?...Maznah ya?..”
itulah...

Bilangan Pembaca

Feedjit

Blog Archive

- ▶ 2016 (4)
- ▶ 2015 (22)
- ▶ 2014 (31)
- ▶ 2013 (46)
- ▼ 2012 (45)
 - ▶ December (6)
 - ▶ November (7)
 - ▼ October (5)
 - Penubuhan Perpustakaan Awam Negeri Melaka dalam er...
 - S.Kadarisman : Dari Penjilid Buku ke Sutradara...
 - Penubuhan UKM: Pencarian Kakitangan Perintis...
 - Trivia: Nombor Telefon rasmi UKM yang terawal
 - Tan Soo Hai : Arkitek Landskap berkelayakan yang p...
- ▶ September (6)
- ▶ August (10)
- ▶ July (6)



Laporan pencarian kakitangan oleh UKM dalam The Straits Times bertarikh 24 November 1969.

Selain pengambilan secara iklan, Universiti Kebangsaan juga telah mengambil beberapa kakitangan Kolej Islam yang telah ditamatkan perkhidmatan mereka setelah kolej berkenaan ditutup.

- ▶ [June](#) (5)
- ▶ [2011](#) (4)
- ▶ [2010](#) (11)
- ▶ [2009](#) (62)
- ▶ [2008](#) (32)
- ▶ [2007](#) (27)
- ▶ [2006](#) (52)
- ▶ [2005](#) (28)

Blog Pilihan

e CATATAN SI MERAH SILU



Dari Bukit Tinggi ke Janda Baik membawa zikir dalaman -

Salam malam Jumaat 10 Jamadil Awal 1442 Hijriah. Merujuk pada artikel Misi Teluk Intan-Beruas - Mencari makna terbaru dalam jejak Malikul Mansur yang di...
4 days ago

e FILEM KLASIK MALAYSIA



RAFEAH KATA, RAMLIE MERANA KERANA

MARIA... - -----
--
2 weeks ago

e .chedinsphere.



Jersi Lotto - Home Selangor FA, 1993. - *Jersi Lotto - Home

Selangor FA, 1993.* Alhamdulillah, setelah sekian lama menanti dan mencari. Ramai dah ada dalam koleksi, saya baru ada rezeki mem...
2 months ago

e Untold History



Untold Histories : Best Clue Hidden in the Plain View - lf.. nobody

JAWATAN2 KOSONG

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PEMBOHONG ada-lah di-pelawa daripada warganegara Malaysia untuk jawatan2 yang berikut:-

- Pembantu Pentadbir (Administrative Assistant).**
 - Kelayakan: Hendak-lah mempunyai sekurang2-nya ijazah (degree) dari Universiti yang di-iktirafkan dengan sedikit pengalaman dalam pentadbiran. Hendak-lah juga lulus atau pernah dalam Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setara dengannya.
 - Tangga Gaji: 804 x 23 - 812 s.k. (ii) 811 x 28 - 1987.
- Selia Usaha.**
 - Kelayakan:
 - Memperal pengetahuan dalam Bahasa Melayu sekurang2-nya mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia atau setara dengannya.
 - Boleh mengambur terangkan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris sekurang2-nya 100 p.s.m. dalam Bahasa Melayu dan 50 p.s.m. dalam Bahasa Inggeris.
 - Sekurang2-nya mempunyai 5 tahun pengalaman sebagai Jurutera atau Selia Usaha dalam mana2 perubatan.
 - Memperal kebolehan:
 - Mengendalikan dan menyimpan fail.
 - Mengambil dan menyediakan minak makanan.
 - Mengendalikan surat dengan di-beri sedikit arahan.
 - Mengendalikan maklumat dan surat atau memorandum.
 - Surat mengurut dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan mula yang tepat.
 - Tangga Gaji: 804 x 23 - 800 s.k. (ii) 723 x 25 - 770.
 - Umr: Tidak kurang dari 20 tahun.
 - Chalans: Munggal di-melakan manakali ulian tempatan dan surat mengurut se-belum di-paragi tempatan.
- Kerani.**
 - Kelayakan: Sijil Pelajaran Malaysia dengan keputusan dalam Bahasa Melayu atau yang setara dengannya. Keutamakan akan di-beri kepada mereka2 yang ada pengalaman dalam kerja pejabat dan boleh menulis.
 - Tangga Gaji: 8140 x 3 - 156 S.P. 210 x 15 - 200 S.P. 160 x 15 - 470 S.K. (ii) 445 x 15 - 533.
 - Umr: Tidak kurang dari 18 tahun.
- Pembantu Makmal.**
 - Kelayakan: Sijil Pelajaran Malaysia dengan keputusan dalam Bahasa Melayu atau yang setara dengannya. Keutamakan akan di-beri kepada mereka2 yang mendapat keputusan cemerlang dalam mata2 pelajaran sains dan ada pengalaman bekerja dalam makmal.
 - Tangga Gaji: 8140 x 8 - 156 S.P. 210 x 14 - 397 S.P. 204 x 14 - 480 S.K. (ii) 422 x 25 - 742.
 - Umr: Tidak kurang dari 18 tahun.
- Jurutaip.**
 - Kelayakan: Sijil Rendah Pelajaran Malaysia dengan mendapat keputusan cemerlang dalam Bahasa Melayu. Seleh mendapat sekurang2-nya 20 p.s.m. dari sekurang2-nya subjek bahasa dan 30 p.s.m. dari mana2 subjek.
 - Tangga Gaji:
 - Peminimuman 8225
 - Grid III 8140 x 8 - 156 S.P.
 - Grid II 8174 x 10 - 210 S.P.
 - Grid I 8210 x 10 - 250.
 - Umr: Tidak kurang dari 18 tahun.
 - Chalans: Munggal di-bayar kepada grid yang berkenaan mengikut kebolehan menulis.

Selain daripada gaji pokok tersebut di-atas pegawai2 akan di-bayar dalam bentuk, eluan rumah, di-beri kemudahan perubatan dan perumahan. Wang Kemudahan Pekerja, menasuki Kadat Universiti.

Pemohonan hendak-lah di-buat di-salam terang yang di-sediakan di samping yang boleh di-dapati daripada Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, Peta Surat 1124 Jalan Pahlani Baru, Kuala Lumpur dengan membebankan atau mengawal surat berdaftar saiz 4 1/2 x 7 1/2 dan bersemen 13 sen dan bertitah "Memohon Ruang Permohonan".

Pemohonan di-tutup pada Isnin, Januari, 1971.

Iklan Jawatan Pembantu Tadbir, Kerani, Pembantu Makmal dan Jurutaip
Sumber : Berita Harian, 29 Disember 1970.

know Tyersall Estate belong to TMJ, did they know Johor Royalty is the richest craziest Asians???? Ko rase.. Author Crazy Rich Asian tau tak.....
2 months ago

OMAR M. HASHIM (OMARA)



Penggambaran video klip lagu CHOMBEE ABANG SAYANG di

Kuala Lumpur - Gambar ini saya ambil masa uruskan video klip dengan pihak Tv3 dalam tahun 1991 lagu - Chombee Abang Sayang - Lagu dan Lirik Ciptaan A. Osman. Lagu ini d...
6 months ago

PetikanBuku: Buku Mampu Mengubah Dunia Sudah Lama Tidak Update Blog - Salam semua. Sudah bertahun saya tidak update blog. Mungkin ramai yang kini hanya membaca Facebook sahaja, jarang lihat blog. Bagi saya, blogging sudah ber...
4 years ago

Arkib Negara X

ANX 6 tahun - - Arkib Negara X kini 6 tahun (2009-2015). - Sudah 9 bulan (sejak April 2014) tiada entri terbaru kerana sibuk dengan hal lain. - Tetap ber...
5 years ago

sepuluh tahun sebelum merdeka



Selamat Hari Hartal 2012! - Selamat Hari Hartal

20.10.12! Bagi memperingati hari bersejarah rakyat Malaya bersatu-padu dalam perjuangan menuntut demokrasi dan pembebasan dari penjajah...
8 years ago

**JAWATAN2 KOSONG
UNIVERSITI KEBANGSAAN,
MALAYSIA**

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari Warganegara Malaysia untuk mengisi jawatan2 yang berikut:—

**(1) Penolong Pustakawan
(Assistant Librarian)**

(i) **Kelulusan:** Pemohon2 hendak-lah mempunyai

(a) Ijazah (Degree) dari universiti yang di-iktirafkan; dan

(b) Associateship of the Library Association (Great Britain) atau kelulusan ikhtisas yang sa-taraf dengan-nya; dan

(c) Pengalaman yang berkenaan sa-kurang2-nya tiga tahun dalam perpustakaan yang besar, menguruskan kerja2 katelok-mengkatelok atau perolehan bahan2 perpustakaan.

(d) Berpengetahuan Bahasa Melayu.

(ii) **Tangga Gaji:** \$820 x 35-1030/1100 x 40-1300

Bil: UK (Sulit) 0035

Iklan jawatan Penolong Pustakawan
Sumber : The Straits Times, 30 Mac 1970.



Iklan jawatan Pembantu Pustakawan
Sumber : The Straits Times, 30 Mac 1970.

Sehingga Disember 1970, Pecahan kakitangan perintis UKM ialah seperti berikut:

| | |
|---|------------|
| Ahli Akademik | 58 |
| Professor- 4 Pensyarah Kanan- 3 Pensyarah - 15 Penolong Pensyarah - 15 Tutor - 21 | |
| Kakitangan Pentadbiran | 134 |
| Jumlah | 192 |

Berikut adalah 10 kakitangan terawal berdasarkan turutan nombor pekerja yang diberikan kepada mereka:

| Bil | No. Kakitangan (UKMPer) | Nama | Jawatan |
|-----|-------------------------|-------------------------|---------|
| 1 | 0001 | Haji Muhammad Talib bin | - |

| | | | |
|----|------|----------------------------------|------------------------------|
| | | Abdullah | |
| 2 | 0002 | Albert Edward Bowers | - |
| 3 | 0003 | Ahmad Karman Shah Pandak Ibrahim | Penolong Pegawai Keselamatan |
| 4 | 0004 | Ismail Seabit | - |
| 5 | 0005 | Ishak Osman | Tukang Kayu |
| 6 | 0006 | Yaakob bin Ahmad | - |
| 7 | 0007 | Jasin bin Bujai | - |
| 8 | 0008 | Muhamad Md. Nor | Pengawal Keselamatan |
| 9 | 0009 | Muhamad Ali Yasin | - |
| 10 | 0010 | Mohamad Rathi Alang Mamat | - |

Buku log bertulisan tangan yang mencatatkan senarai kakitangan terawal ini masih tersimpan baik di Jabatan Pendaftar, UKM.. Pengurusan tertinggi UKM pada masa mula ditubuhkan ialah,




Prof. Emeritus Datuk Dr. Rashdan Baba...Naib Canselor UKM yang pertama. (1969-1971)



Tun Abdullah Mohd SallehPendaftar UKM yang pertama (1969-1972)



Dato' Megat Abdul Rahman Megat Ahmad...Bendahari UKM yang pertama (1970-1973).



Tuan Haji Abdul Aziz Sheikh Mydin...Ketua Pustakawan yang pertama (1970-1977).

Rujukan:

Hallo 03-54644 Sini UK Lembah Pantai. (27 January 1970). *Berita Harian*, p. 10.

Harith Faruqi Sidek (2007). Sejarah Pengasas dan Pelopor Penubuhan UKM. Perpustakaan UKM: Bangi.

K-tangan Kolej Islam yang di-berhentikan akan di-beri pekerjaan baru. (12 November 1970). *Berita Harian*, p. 5.

Lantekan Tun Razak jadi chancelor di-alu2kan. (27 Ogos 1970). *Berita Harian*, p. 5.

Minister leaves to recruit staff for Varsity. (27 Ogos 1970). *The Straits Times*, p. 5.

N-Varsity : 'Act Now' call , govt urged to choose vice-chancellor and registrar. (11 September 1968). *The Straits Times*.

Rekod Pendaftaran kakitangan UKM (UKMPer), Jabatan Pendaftar UKM.
Search for staff by National varsity. (24 November 1969). *The Straits Times*.

Universiti Kebangsaan chari k-tangan, pensharah. (16 January 1971). *Berita Harian*, p. 12.

Universiti Kebangsaan di-kemas hadapi masa depan. (10 December 1970). *Berita Harian*, p. 10.

kiriman [Harith Faruqi Sidek](#)

No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

